

Jangan pertikai bumiputera kuasai ekonomi 18.9%

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
dan HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 12 okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu semua pihak tidak mempertikaikan data rasmi kerajaan mengenai tahap penguasaan ekonomi bumiputera iaitu 18.9 peratus kerana ia adalah hasil kajian yang tepat serta berasas.

Sambil menegaskan kerajaan akan tetap mempertahankan fakta tersebut, Timbalan Perdana Menteri berkata, keadaan itu amat difahami oleh pihak-pihak tertentu kerana asas kajian yang digunakan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) itu diketahui oleh mereka.

"Data yang diperoleh ini merupakan data rasmi kerajaan dan kita akan tetap mempertahankannya. Kita telah terangkan kepada umum bentuk perkiraan yang dibuat oleh kerajaan melalui kaedah yang ditetapkan oleh EPU.

"Saya kira pihak-pihak lain faham dengan asas yang telah kita gunakan. Kita amat berharap perkara ini dapat diterima dan tidak lagi dipertikaikan oleh sesiapa," katanya.

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyampaian sumbangan bungkusan Hari Raya Aidilfitri oleh penderma kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Auditorium Wisma Pertahanan, di sini hari ini.

Semalam, Institut Kajian Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) memohon maaf ke atas laporannya yang dianggap salah dan tidak tepat kerana mendakwa bumiputera telah menguasai 45 peratus ekonomi negara.

Sehubungan itu, ASLI bertindak menarik balik laporan hasil kajian berkenaan.

Presidennya, Mirzan Mahathir berkata, kajian bertajuk 'Ekuiti Korporat Bumiputera' oleh Pusat Pengajian Polisi Awamnya itu menggunakan andaian yang salah yang akhirnya menghasilkan kesimpulan yang

Data yang diperoleh adalah data rasmi kerajaan dan kita akan tetap mempertahankannya. Kita telah terangkan kepada umum bentuk perkiraan yang dibuat oleh kerajaan melalui kaedah yang ditetapkan oleh EPU

NAJIB TUN
RAZAK
**Timbalan
Perdana
Menteri'**

tidak tepat.

Semalam, Pengarah Pusat Pengajian Polisi Awam ASLI, Dr. Lim Teck Ghee, yang mengetahui kajian itu, mengumumkan peletakan jawatannya dan mempertahankan hasil kajian itu.

Mesyuarat Kabinet semalam juga telah menerima permohonan maaf daripada ASLI itu.

Najib berkata, sepatutnya kajian yang

berbentuk sedemikian perlu diberikan kepada kerajaan daripada didedahkan kepada pihak umum.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan semua pihak supaya lebih berhati-hati sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan yang boleh menyentuh hak kaum lain kerana implikasinya amat besar.

Beliau berkata, jika perkara itu tidak diambil endah, dikhuatiri ia boleh menim-

bulkan perbalahan meskipun pada awalnya perbincangan yang dilakukan itu berbentuk intelek.

Katanya, semua pihak harus sedar bahawa setiap, kenyataan yang membabitkan sensitiviti kaum tertentu boleh disifatkan sebagai satu bentuk hasutan.

"Kerajaan tidak mahu sebarang perkara yang dilakukan oleh sesiapa boleh menimbulkan satu bentuk perbalahan walaupun pada peringkat awal perbalahan itu boleh dilihat sebagai perbincangan intelek.

"Jika perbincangan tersebut menyentuh soal-soal sensitif dan boleh menyentuh perasaan kaum-kaum tertentu, ia sebenarnya boleh disifatkan sebagai hasutan walaupun ia tidak bertujuan sedemikian," tambahnya.